

# PENGAUDITAN BADSA DI PU KUCHING

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1549-pengauditan-badsa-di-pu-kuching](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1549-pengauditan-badsa-di-pu-kuching)

KUCHING, 17 Feb 17 – Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am (BADSA), Kementerian Pertahanan telah melaksanakan pengauditan terhadap pengurusan kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Cawang Materiel, PU Kuching bermula pada 13 hingga 17 Feb 17.

Pengauditan ini telah diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha 2, En Abdul Manap bin Ali bertujuan memastikan PTJ mematuhi tatacara dan peraturan dalam pengurusan kewangan meliputi kawalan pengurusan, bajet, perbelanjaan, perolehan serta pengurusan aset & stor. Turut mengalu-alukan kedatangan tim BADSA ini ialah Komander Pangkalan, Kol Yee Yit Hong TUDM.

